

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat : INSTITUT LATIHAN KWSP (ESSET) BANGI , SELANGOR
Tarikh : 23-06-2005
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN SIMPOSIUM BERKALA IV ANJURAN
INSTITUT PEMIKIRAN DR. MAHATHIR & BIRO TATANEGARA,
JABATAN PERDANA MENTERI

UCAPAN YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
MERANGKAP MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SIMPOSIUM BERKALA IV
ANJURAN INSTITUT PEMIKIRAN DR. MAHATHIR (IPDM)
DAN BIRO TATANEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI
DI INSTITUT LATIHAN KWSP (ESSET)
BANGI, SELANGOR
PADA 23 JUN 2005 (KHAMIS)
JAM 3.00 PETANG

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

(Salutations)

Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah S.W.T. atas keizinanNya maka dapatlah kita bersama pada petang ini untuk memikirkan satu maudhu' yang penting dalam membentuk satu kelangsungan bangsa dan negara kita. Agenda menambah keupayaan pertahanan negara dengan memajukan Industri Pertahanan Negara adalah satu tugas yang amat penting kepada kita demi menjamin keselamatan negara, keutuhan wilayah, kestabilan negara dan kemajuannya.

Saya rakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur dari Institut Pemikiran Dr. Mahathir (IPDM) Universiti Utara Malaysia dan Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri yang telah menjemput saya bagi membicarakan tema "Industri Pertahanan Negara dari Pemikiran Tun Dr. Mahathir". Saya rasa cukup bertuah di atas kepercayaan yang telah diberikan apatah lagi untuk membincangkan pemikiran Tun Dr. Mahathir yang saya anggap bukan sahaja sebagai pemimpin besar, sebagai mentor bahkan sebagai pembimbing yang cukup berjasa kepada diri saya, agama, bangsa dan negara yang kita cintai ini.

Bila menerima undangan ini, saya mula berfikir, mengapa saya yang diundang untuk membincangkan perkara ini; perkara yang sangat besar yakni membaca pemikiran seorang tokoh yang sangat saya segani. Maka saya memujuk hati saya, mungkin penganjur menjemput saya kerana saya telah diberi tugas sebanyak dua kali sebagai Menteri Pertahanan sewaktu di bawah Kabinet YABhg. Tun Dr. Mahathir.

Oleh itu saya cuba memberanikan diri untuk bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan mengulas tema yang diberikan pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Elok juga rasanya kita lihat beberapa quotation yang pernah diungkap oleh YABhg. Tun Dr. Mahathir mengenai hal pertahanan dan falsafah yang dipegang beliau sebelum kita mengulas tajuk ini dengan lebih lanjut.

“Persediaan untuk pertahanan di zaman ini memerlukan industri pertahanan yang sesuai dengan teknologi terkini. Segala ciptaan, pengeluaran dan perbekalan alat-alat pertahanan ini adalah kewajipan bagi mereka yang benar-benar beriman pada Al-Quran. Industri pertahanan amat penting bagi umat Islam”.

- Tun Dr. Mahathir Mohamad

“.... Kita lihat dengan sedihnya pembunuhan, penyiksaan dan pencabulan wanita dilakukan terhadap ribuan umat Bosnia. Tidak ada suatupun yang boleh dibuat oleh 1,000 juta orang Islam kerana tidak ada negara Islam yang berpengaruh daripada segi ketenteraan yang canggih dan kuat”.

- Tun Dr. Mahathir Mohamad

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dua petikan di atas sudah cukup memberi gambaran tentang pemikiran Tun Dr. Mahathir terhadap Industri Pertahanan Negara. Sejak menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai 1981 dan sekali gus sebagai Menteri Pertahanan hinggalah tempoh 22 tahun menjadi Perdana Menteri, pemikiran merupakan landasan negara. Tun Dr. Mahathir tidak pernah mengaku kalah dalam mencapai apa yang difikirkan baik kepada agama, bangsa dan negaranya.

“Success doesn't come easily. You've got to batter your head against the wall quite a number of time before the wall breaks ... or your head. I suppose you've got to do that. I don't believe in giving up”.

- Tun Dr. Mahathir Mohamad

Beliau amat yakin dengan pendirian berani kerana benar, takut kerana salah tetapi beliau kerap mengulang-ulangi – “jika kita lemah, kita mundur, kita berpecah belah, kita jahil, maka suatu hari nanti kita akan dijajah semula oleh kuasa yang lebih kuat, lebih maju, lebih bersatu dan lebih pandai serta menguasai ilmu pengetahuan”.

Tun Dr. Mahathir sangat konsisten terhadap perjuangan menentang kezaliman serta penindasan. Kita dapat saksikan bagaimana sikap beliau terhadap isu Palestin, Bosnia Herzegovina, Afrika Selatan, Kampuchea. Ini dapat kita lihat dari kata-katanya;

“Malaysia amat mengambil berat mengenai Bosnia Herzegovina bukan semata-mata kerana ia berkaitan dengan agama Islam dan orang Islam. Kami sentiasa mengambil berat apabila dan di mana ketidakadilan dan penindasan bermaharajalela. Malaysia juga pernah menyuarakan pendapatnya mengenai Afrika Selatan, Kampuchea dan lain-lain negara bukan Islam yang menghadapi masalah yang sama”.

- Tun Dr. Mahathir Mohamad

Itulah saya dapat rumuskan tentang kemahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad yang ada

kaitan dengan prinsip pegangan yang telah diterjemahkan pemikirannya dalam bidang pertahanan di mana Tun Dr. Mahathir terus menggesa kita memperkukuhkan lagi kemampuan Pertahanan Negara dan mendokong Wawasan Kementerian Pertahanan untuk menambah proses keupayaannya dalam proses modenisasi yang telah bermula pada akhir tahun 80an, 90an dan masih berjalan masa kini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Bagaimana pula keadaan hari ini di bawah pentadbiran Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi? Saya ingin menegaskan di sini bahawa YAB. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi juga mempunyai pendapat dan pegangan yang sama. Saya boleh katakan demikian atas tiga perkara.

Yang pertama, segala program yang bermula waktu YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri masih lagi berjalan waktu YAB. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri. Tidak ada satu program pertahanan yang dibuat waktu Tun Dr. Mahathir Mohamad, keputusannya dipersoalkan atau hendak dikaji semula oleh YAB. Dato' Seri Abdullah Badawi. Malah banyak program Kementerian Pertahanan yang kurang peruntukan telah ditambah oleh Perdana Menteri hari ini.

Yang kedua, bukan sahaja program-program ini diteruskan, tetapi ada beberapa program tambahan yang telah diluluskan oleh YAB. Dato' Seri Abdullah Badawi. Di antara program tersebut ialah program "tactical radio" - untuk tentera darat, merupakan program yang besar bagi menyediakan radio set untuk tentera, yang telah diluluskan lebih awal daripada Rancangan Malaysia Yang Ke-9. Ini ialah contoh yang boleh saya sebutkan. Jelas, komitmen tegas Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk terus melihat pertahanan negara lebih kukuh dan mantap lagi. Selain itu, di dalam Islam Hadhari, pertahanan yang mantap itu merupakan satu prinsip dalam Islam. Ia bukan satu yang disebut-sebut sahaja tetapi bagi meningkatkan kesedaran kepada kita semua, kerana pertahanan yang kuat adalah tuntutan Allah S.W.T. kepada kita semua. Ini bukanlah satu perkara yang boleh kita ambil ringan atau mudah kerana Tuhan telah perintah kepada umat Islam bahawa pertahanan kita hendaklah pada peringkat di mana musuh yang kita ketahui atau tidak diketahui kita, akan gerun pada kita. Di dalam Surah Al-Ansar ada dua perkataan "operating words" dalam ayat tersebut. Yang pertama, membuat persediaan dan yang kedua, sehingga musuh menggeruni dan takut kepada kita. Ini bererti dalam Al-Quran sudah ada bukan saja konsep pertahanan yang kuat tetapi sudah ada konsep "deterrent" dalam Al-Quran. Apabila musuh menggeruni kita bermakna berjayalah kita mewujudkan konsep "deterrent", kalau musuh tidak takut bermakna kita tidak ada nilai "deterrent". Ini sudah ada dalam Al-Quran. Ini perintah Allah S.W.T. kepada kita semua. Itulah sebab dalam konsep Islam Hadhari telah dimasukkan prinsip ini sebagai salah satu dari 10 prinsip asas yang jadi pegangan kerajaan pimpinan YAB. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Menyentuh tentang kejayaan kita dan perjalanan kita membangunkan industri pertahanan, bagaimana kedudukannya dulu dan hari ini? Jika kita imbas kembali, lihat tahun 70an, kemampuan industri pertahanan kita begitu kecil dan terbatas. Pada masa itu kebanyakan mereka yang terlibat dalam bidang pertahanan sekadar menjadi agen kepada Original Equipment Manufacturer (OEM) saja. Kita bermula dengan Syarikat SME Ordnance pada tahun 70an, dengan membuat peluru kecil. Kita

tidak mempunyai industri pertahanan yang berkemampuan tinggi dalam bidang lebih canggih dan sofistikated. Tetapi selepas 35 tahun berlalu, kita boleh lihat industri pertahanan sudah dianggap industri yang strategik oleh negara.

Malah kemampuannya jauh lebih tinggi, hebat dari masa lalu, meskipun ada kelemahannya. Ada juga cerita tidak menyenangkan tetapi umumnya perkembangannya adalah positif dan telah membawa kepada keadaan di mana industri pertahanan boleh mendokong kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Untuk mendokong perkembangan ini secara tersusun dan teratur, kita telah menubuhkan Majlis Industri Pertahanan Negara (MIPN) di mana melalui MIPN kita membuat perancangan lebih bersepadu tentang bidang-bidang yang boleh diterokai oleh syarikat-syarikat kita dalam bidang industri pertahanan. Kita juga dapat melahirkan beberapa industri baru yang boleh menentukan kemajuan industri pertahanan negara.

Hari ini kita sudah mempunyai kemampuan yang sudah diiktiraf bukan saja di dalam tetapi luar negara. Saya tidak perlu memberi maklumat mendalam mengenai perkara ini sebab kita sedia maklum perkembangannya sebagaimana yang telah dihuraikan dalam pelbagai media.

Saya cuma hendak menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan tentang beberapa kemajuan industri pertahanan negara. Dalam bidang aerospace di mana kita sudah mempunyai "maintenance repair center" yang boleh membuat "refurbishment" pesawat. Antaranya, pesawat C130, yang dilakukan oleh Airod yang juga telah berjaya mendapatkan beberapa kontrak dari Tentera Udara Amerika Syarikat yang berpusat di Guam, di mana kontraknya telah berjalan lebih 10 tahun. Selain itu, Airod juga mendapat kontrak daripada Indonesia, Bangladesh dan beberapa negara lain. Ini merupakan kejayaan yang boleh kita banggakan kerana kita telah bergerak maju dengan mempunyai kemampuan "refurbishment" kalau kita hendak panjangkan badan C130, ia boleh dilakukan oleh Airod. Kemampuan ini telah diiktiraf di mana kita mendapat beberapa kontrak di peringkat antarabangsa. Kita juga sedang melihat beberapa "niche areas" seperti UAV tempatan, kita sudah mempunyai "Eagle Aircraft". Ketika ini dua syarikat tempatan bercadang untuk membuat UAV buatan Malaysia yang lebih kecil. Saya sudah cadangkan kedua-dua syarikat ini bergabung dan mengeluarkan satu UAV buatan Malaysia kerana tidak mungkin sebagaimana sebuah negara kecil kita ada dua UAV. Adalah wajar kita membuat satu UAV menerusi gabungan dua syarikat ini.

Dalam bidang yang lain, seperti simulator sudah ada lebih dua syarikat yang boleh mengeluarkan stimulator. Bermula dengan stimulator untuk pesawat Pilatus dan kemudian pesawat-pesawat lain. Sekarang ini tender untuk simulator pesawat Shukoi sudah dikeluarkan. Ini menunjukkan bidang ini mampu dilakukan oleh kita.

Selain itu, adalah menjadi strategi kita untuk mengambil bahagian dalam satu program besar-besaran di peringkat antarabangsa, berbeza dengan pendekatan negara lain. Ada negara tertentu hendak membuat pesawat dengan sepenuhnya. Saya telah katakan hendak buat kapal terbang tidak berapa susah tetapi hendak menjual lagi susah. Kita boleh mengeluarkan kapal terbang tetapi hendak menjual sehingga mendapat tempahan yang boleh menentukan "viability" projek kita itu lebih sukar sebab persaingan dalam bidang ini amat hebat.

Kalau kita tidak ada pesawat berkemampuan tinggi dan tidak mempunyai pengaruh politik adalah sukar hendak jual pesawat kita kepada negara lain. Oleh itu kita

mengambil pendekatan yang lain. Kita ingin menjadi pembekal komponen kepada industri aeroangkasa, satu program peringkat antarabangsa yang amat berjaya. Untuk itu, kerajaan menetapkan kita ada pengkhususan dalam bidang 'composite' umpamanya, dan kita pilih Composite Technology Research Malaysia (CTRM) untuk tujuan tersebut sebagai salah satu pelaku global besar dalam bidang composite.

Baru-baru ini di Paris, saya saksikan perjanjian yang dibuat oleh CTRM yakni untuk membekalkan "composite part" kepada program A320 bernilai RM800 juta. Ini sebagai permulaan saja. Program lain akan dapat diberikan CTRM kerana ianya ada mempunyai kemampuan teknologi dan "cost-effective" kerana jika dibuat di United Kingdom kosnya lebih tinggi. Dengan ini, Malaysia dapat menjadi pembekal kepada satu program yang berjaya di peringkat antarabangsa. "We might as well be a partner of a major and a successful international programme", daripada kita hendak buat kapal terbang sendiri tetapi tidak dapat menjualnya. Inilah pendekatan kita. Risikonya rendah tetapi kejayaannya lebih terjamin. Itulah sebab CTRM "is a success story" walaupun permulaannya tidak "impressive" tetapi ianya dah dipulihkan kerana "management"nya kukuh sekarang ini daripada masa dulu.

Kebanyakan permasalahan bukan programnya tidak baik tetapi kerana "management"nya lemah. Ini berlaku kerana "management" mempunyai tujuan-tujuan lain, mereka tidak serius, tidak komited dan menggunakan keuntungan untuk tujuan lain. Itulah sebab mereka menghadapi masalah. Tetapi jika "management"nya profesional tidak ada sebab program yang dikendalikan oleh mereka tidak boleh berjaya. Itulah contoh dalam bidang "aerospace industry". Kita mesti sentiasa tengok pada "product improvement all the time" dan tidak boleh statik. Kita kena tengok "product improvement" agar dapat memenuhi keperluan ATM dan kita lebih kompetitif di peringkat antarabangsa. Kita ada DRB HICOM yang boleh membuat kenderaan. Dahulu apabila saya mula jadi Menteri Pertahanan, ATM mempunyai pelbagai jenis kenderaan, berpuluh kenderaan, berlonggok "spare parts". Sekarang kita tentukan satu jenama saja, kalau 3 tan, "Handalan" – stok tak payah banyak, stokisnya DRB HICOM. Kita hendak "spare part" terus tempah dan akan dapat dalam masa yang cepat. Inilah contoh industri pertahanan yang "vialable" menyokong kesiapsiagaan ATM.

Bidang avionik kita juga mempunyai kemampuan tinggi, mungkin satu hari kita boleh membuat radar tempatan tanpa mendapatkannya dari OEM, bermula dengan radar kecil untuk kegunaan dalam "localised areas". Ini semua boleh kita lakukan kerana kita sudah tingkatan kemampuan industri tempatan negara.

Dalam bidang perkapalan, kita dah boleh buat kapal patrol vessel (PV). Walaupun ada masalah teknikal tetapi kemampuan sudah ada pada kita. Jadi kalau hendak buat program lain, kita boleh buat di Malaysia. Kalau ada cadangan buat "frigate programme" kita boleh lakukan dan tak payah buat di negara lain. Kalau kita buat di negara lain kita memberi pekerjaan kepada orang lain. Kalau buat di Malaysia orang tempatan akan mendapat pekerjaan dan vendor mendapat pekerjaan. Itulah sedikit sebanyak yang saya dapat terangkan perkembangan industri pertahanan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Inisiatif dalam bidang pertahanan memerlukan "investment" yang lama sebelum kita mendapat keuntungan. Bidang pertahanan bukanlah bidang yang kita labur hari ini dan esok mendapat pulangan. Ianya satu bidang di mana kita perlu bertahan agar lama sebelum dapat melihat hasil pelaburan kita. Kementerian Pertahanan sudah

syor kepada kerajaan sistem 5+5 iaitu 5 tahun kontrak campur 5 tahun lagi dan ini sudah diberi kepada beberapa syarikat di mana dengan program 10 tahun kontrak ini mereka rasa terjamin. Jika mereka dapat memenuhi keperluan kita, piawaian kita, lepas 5 tahun kita sambung lagi kontrak. Mereka boleh buat investment, R&D dalam bidang pertahanan, dan mereka boleh dapat pulangan mereka kerana kontrak mereka lama.

Industri Pertahanan Negara bukan sahaja boleh mendokong kesiapsiagaan ATM tetapi mendatangkan hasil untuk negara di pasaran global. Saya percaya masa depan industri pertahanan adalah baik berasakan sokongan kepimpinan kerajaan hari ini ingin melihat industri pertahanan sebagai penting dan strategik untuk negara kita.

Kita juga kena memberi perhatian kepada "human capital" dalam bidang ini di mana negara mempunyai tiga buah universiti yang mengeluarkan "aerospace engineers". Jika kerajaan tidak majukan "aerospace industry" di manakah mereka hendak mendapatkan pekerjaan. Jawapannya mereka jadi graduan menganggur atau mencari pekerjaan di luar negara. Kita tidak boleh biarkan perkara ini kerana untuk majukan industri pertahanan mesti ada pendekatan yang bersepadu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Ini semua berpunca dari komitmen kepimpinan dahulu dan sekarang. Saya lihat jika ada perbezaan cuma "style" saja tetapi dari segi komitmen terhadap bidang pertahanan adalah sama, zaman Dr. Mahathir dan zaman Pak Lah. Inilah kesimpulan yang saya dapat nyatakan di sini. Kita boleh terus rasakan kerajaan dapat membela ATM dan disokong oleh industri yang "vialable".

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Simposium Berkala Keempat Anjuran Institut Pemikiran Dr. Mahathir dan Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.